

PERADUAN MAGGI JOM MASAK & MENANG BESAR - SARAWAK

TERMA DAN SYARAT

Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H].
2. <u>Promosi:</u>	PERADUAN MAGGI JOM MASAK & MENANG BESAR
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 12:00 tengah malam pada 01/05/2018 dan ditutup jam 11:59 malam pada 30/06/2018.
4. <u>Kelayakan:</u>	Promosi ini terbuka kepada semua penduduk sah SARAWAK yang berusia 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi.
5. <u>Kaedah Penyertaan:</u>	<p>a. Setiap pembelian mana-mana produk MAGGI yang turut serta dengan tarikh luput Mei 2018 dan ke atas sepanjang Tempoh Promosi akan melayakkan Peserta untuk menyertai Promosi.</p> <p>b. Sila rujuk kepada Jadual Bukti Pembelian ["Jadual BP"] yang ditunjukkan dalam borang penyertaan untuk pembungkusan produk yang dikehendaki sebagai bukti pembelian untuk menyertai Promosi dan nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Produk ["BP"].</p> <p>c. Borang penyertaan promosi boleh didapati di semua gedung yang turut serta dan di laman web Penganjur di: www.maggi.com.my.</p> <p>d. Peserta dikehendaki melengkapkan setiap borang penyertaan Promosi dengan butir-butir yang diperlukan, iaitu nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat, nombor hubungan dan menjawab dengan betul dua [2] soalan Betul atau Salah yang ditunjukkan dalam borang penyertaan ["Butir-Butir Dikehendaki"].</p> <p>e. Borang penyertaan yang diisi dengan lengkap bersama BP mesti dimasukkan ke dalam sampul surat dan dihantar melalui pos biasa ke alamat Peti Surat yang dinyatakan dalam borang penyertaan. Penyertaan yang diterima melalui khidmat penghantar surat, perkhidmatan kurier, POS Laju dan/atau apa jua cara lain akan dibatalkan secara automatik.</p> <p>f. Peserta boleh menghantar seberapa Penyertaan yang diingini tetapi setiap BP layak untuk satu [1] Penyertaan sahaja. Sampul surat yang mengandungi berbilang penyertaan dan/atau BP akan dibatalkan. Salinan foto borang penyertaan Promosi diterima.</p>

6. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u>	Semua borang penyertaan promosi mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 11:59 malam pada 30/06/2018. Semua borang penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.
7. <u>Hadiah Mingguan:</u>	<p>a. 5 [Lima] Hadiah Mingguan pilihan pemenang setiap minggu selama sembilan [9] minggu. Pilihan Hadiah Mingguan adalah seperti berikut:</p> <p>a. Pilihan 1: 1 [Satu] Kamera Digital SONY.</p> <p>b. Pilihan 2: 1 [Satu] Samsung Tab A.</p> <p>c. Pilihan 3: 1 [Satu] Samsung J PRO.</p> <p>b. Tempoh mingguan Hadiah Mingguan adalah seperti berikut:</p> <p>Minggu 1: 01/05 – 07/05/2018 Minggu 2: 08/05 – 14/05/2018</p> <p>Minggu 3: 15/05 – 21/05/2018 Minggu 4: 22/05 – 28/05/2018</p> <p>Minggu 5: 29/05 – 04/06/2018 Minggu 6: 05/06 – 11/06/2018</p> <p>Minggu 7: 12/06 – 18/06/2018 Minggu 8: 19/06 – 25/06/2018</p> <p>Minggu 9: 26/06 – 30/06/2018</p>
8. <u>Maklumat Pengadilan Hadiah Mingguan:</u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Mingguan, Penganjur akan memperuntukkan satu nombor bersiri bagi setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sebagai Penyertaan yang berjaya setiap minggu, sepanjang Tempoh Promosi menurut BP yang dikemukakan [setiap satu dan secara kolektif “Penyertaan Layak”]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Penyertaan Layak bermula dengan nombor bersiri “1”.</p> <p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak [“Jumlah Penyertaan Layak”]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak bagi minggu tersebut ialah 889, Penganjur akan mengira dan memilih peserta akhir [“Peserta Akhir”] untuk memenangi hadiah berdasarkan cara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hadiah Mingguan – pemilihan lima [5] Peserta Akhir: $889 \div 5 = 177.8$. Oleh sebab pembahagian 889 dengan 5 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 177.8 akan dibundarkan ke bawah kepada 177. Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih sebagai Peserta Akhir: 177*, 354*, 531*, 708 and 885. [*contoh pengiraan: 177, 177+177=354, 354+177= 531].
9. <u>Hadiah Utama:</u>	<p>Satu [1] Hadiah Utama berupa sebuah ISUZU D-MAX Z-PRESTIGE.</p> <p>Satu [1] Hadiah Pertama berupa Peralatan Elektrik bernilai RM5,000.</p> <p>Satu [1] Hadiah Kedua berupa Peralatan Elektrik bernilai RM3,000.</p>
10. <u>Maklumat Pengadilan</u>	a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Utama, SEMUA Penyertaan Layak yang dikumpul dan diproses oleh

**Hadiah
Utama:**

- Penganjur semasa proses pemilihan pemenang mingguan dan sepanjang Tempoh Promosi akan diperuntukkan secara berasingan satu set nombor bersiri yang bermula dengan nombor bersiri "1".
- b. Nombor bersiri yang diperuntukkan bagi setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dijumlahkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan ialah **8989**, Penganjur akan mengira dan memilih Peserta untuk memenangi hadiah berdasarkan cara berikut:
- **Pilih tiga [3] Finalis:**
 - $8989 \div 3 = \underline{2996.3}$
 - Oleh sebab pembahagian 8989 dengan 3 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 2996.3 akan dibulatkan ke bawah kepada 2996. Seramai 3 Peserta dengan Penyertaan Layak yang mendapat nombor bersiri berikut akan dipilih sebagai Finalis: 2996*, 5992* dan 8988*.
 - [*contoh pengiraan: 2996, $2996+2996=\underline{5992}$, $5992+2996=\underline{8988}$].
- c. Penganjur akan menghubungi semua Peserta terpilih melalui nombor hubungan/talian mudah alih yang digunakan untuk menghantar Penyertaan Layak kepada Penganjur. Setiap Peserta terpilih akan ditanya satu [1] soalan untuk dijawab. Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya Peserta terpilih tidak dapat dihubungi atas apa sebab sekalipun.
- d. Peserta terpilih mesti menjawab dengan betul soalan yang dikemukakan oleh Penganjur untuk melayakkan mereka mara ke peringkat Peraduan seterusnya. Sekiranya terdapat Peserta terpilih yang gagal menjawab soalan dengan betul dan/atau dengan jelas, Peserta tersebut akan disingkirkan oleh Penganjur. Peserta yang memegang Penyertaan Layak dengan nombor bersiri selepas nombor bersiri Peserta yang disingkirkan akan menjadi Peserta terpilih seterusnya yang akan dihubungi oleh Penganjur.
- e. Peserta yang berjaya menjawab dengan betul soalan yang dikemukakan oleh Penganjur ["Peserta Layak"] akan dibenarkan mara ke peringkat Peraduan seterusnya untuk menyertai Cabaran. Penganjur akan memaklumkan Peserta Layak tentang tempat, tarikh dan masa Cabaran.
- f. Penyertaan Peserta Layak dalam Cabaran selanjutnya akan tertakluk kepada terma dan syarat ["Peraturan Asas"] yang akan dimaklum dan diumumkan oleh Penganjur kepada Peserta Layak pada hari Cabaran.
- g. Tertakluk kepada pematuhan ketat Peserta Layak kepada Peraturan Asas yang ditetapkan oleh Penganjur semasa Cabaran, setiap Peserta Layak mesti menyertai Cabaran yang ditetapkan oleh Penganjur untuk menentukan pemenang Hadiah Utama berikut:
- Peserta Layak yang mendapat mata Cabaran paling tinggi akan memenangi Hadiah Utama berbentuk sebuah ISUZU D-MAX Z-PRESTIGE (AT) OTR bernilai Ringgit Malaysia Satu Ratus Tiga Puluh Satu Ribu [RM131,000] sahaja.
 - Peserta Layak yang mendapat mata Cabaran kedua tinggi akan memenangi Hadiah Pertama berbentuk Peralatan Elektrik bernilai Ringgit Malaysia Lima Ribu [RM5,000] sahaja.

	<ul style="list-style-type: none"> • Peserta Layak yang mendapat mata Cabaran paling rendah akan memenangi Hadiah Ke-2 berbentuk Peralatan Elektrik bernilai Ringgit Malaysia Tiga Ribu [RM3,000] sahaja. <p>h. Peserta Layak yang gagal dan/atau enggan mengambil bahagian dalam Cabaran atas apa sebab sekalipun akan disingkirkan secara automatik oleh Penganjur dan hadiah yang diperuntukan kepada Peserta Layak tersebut akan ditarik balik oleh Penganjur.</p> <p>i. Hak Peserta Layak untuk menyertai Cabaran sama sekali tidak boleh dipindahkan. Peserta hanya boleh memenangi satu [1] Hadiah Utama sepanjang Tempoh Peraduan.</p>
<p>11. <u>Hadiah Bonus dan Maklumat Pengadilan:</u></p>	<p>a. Hadiah Bonus Tidak Terhad berupa RM188 tunai setiap satu.</p> <p>b. Pemilihan Finalis tidak terhad bagi Hadiah Bonus: Setiap Peserta dengan Penyertaan Layak yang diperuntukkan nombor bersiri setiap ke-1000 akan dipilih sebagai Finalis: 1000*, 2000*, 3000*, 4000, 5000, 6000 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: 1000, 1000+1000=2000, 2000+1000=3000].</p>
<p>12. <u>Syarat Tambahan:</u></p>	<p>a. Penganjur akan menghubungi semua Peserta Akhir (Hadiah Mingguan, Hadiah Utama dan Hadiah Bonus) terpilih menerusi nombor hubungan/talian mudah alih yang dinyatakan dalam Penyertaan Layak yang diterima oleh Penganjur. Setiap Peserta Akhir terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Peserta Akhir terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Peserta Akhir terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.</p> <p>b. Setiap Peserta Akhir boleh memenangi hanya satu [1] Hadiah Mingguan setiap minggu dan maksimum dua [2] Hadiah Mingguan sepanjang Tempoh Promosi. Sekiranya Peserta Akhir memenangi dua [2] atau lebih Hadiah Mingguan dalam minggu yang sama, maka Peserta Akhir akan secara automatik memenangi 1 [satu] Hadiah Mingguan dan Hadiah Mingguan yang satu lagi akan dimenangi oleh nombor bersiri selepas nombor bersiri Peserta Akhir berulang. Pemenang Hadiah Mingguan boleh juga memenangi Hadiah Utama dan jumlah Hadiah Bonus yang tidak terhad sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>c. Semua hadiah akan dihantar kepada pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari 30/06/2018 ke alamat yang diberikan oleh pemenang.</p>

Jadual Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan yang boleh didapati di <https://www.maggi.com.my>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”)

Dengan menyertai promosi, anda telah membaca dan bersetuju dengan **Terma dan Syarat** dan pemprosesan maklumat peribadi anda dalam **Notis Privasi** yang boleh didapati di <https://www.maggi.com.my>.

Talian Perkhidmatan Pengguna: 1800 88 3433.

B: Syarat Kemasukan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat Kemasukan ini hendaklah dibaca bersama dengan Jadual Kemasukan. Jika ada ketidakselarasan antara Syarat Kemasukan dan Jadual Kemasukan, maka Jadual Kemasukan akan diguna pakai. Syarat Kemasukan dan Jadual Kemasukan secara kolektif dirujuk sebagai "Terma dan Syarat". Setiap istilah yang tidak dinyatakan sebaliknya di sini hendaklah mempunyai maksud seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kemasukan. Istilah yang ditetapkan akan digunakan secara tunggal atau majmuk seperti mana yang berkenaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya, tanpa notis terlebih dahulu, dan tanpa apa-apa tanggungan kepada mana-mana orang, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi dalam keseluruhannya atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat perubahan pada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa penyertaan mereka yang berterusan dalam Promosi ini akan menjadi penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (seperti yang telah diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk penghakiman dan pemilihan pemenang adalah muktamad dan tiada surat-menyerat atau rayuan akan dilayan selepas itu.

2. Syarat-syarat penyertaan

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Promosi, Peserta disifatkan telah memahami dan bersetuju dengan Terma dan Syarat.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Promosi, termasuk tanpa batasan, telekomunikasi, rangkaian, Perkhidmatan Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain dan belanja luar yang mungkin ditanggung oleh Peserta semasa atau berkaitan dengan Promosi akan ditanggung oleh Peserta sepenuhnya.
- 2.3 Bukti penyerahan bukanlah bukti penerimaan dan Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kelewatan, hilang, rosak dan/atau tidak menerima penyerahan.

3. Kelayakan

Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan persetujuan bertulis ibu bapa/penjaga sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Tidak Layak

Kumpulan berikut tidak layak menyertai Promosi:

- (a) Kakitangan Penganjur dan kumpulan syarikat dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka); dan
- (b) Pekerja agensi Penganjur yang berkaitan dengan Promosi dan keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka).

5. Hilang kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan hilang kelayakan:

- (a) penyertaan tidak jelas, tidak lengkap, salinan tidak dapat dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkenaan.

5.2 Di samping itu, Penganjur mempunyai hak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) telah atau cuba untuk melemahkan operasi Promosi melalui penipuan dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi untuk pengesahan oleh Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya berlaku kehilangan kelayakan selepas Hadiah telah dianugerahkan, pihak Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau pembayaran nilai yang sama dgn nilai hadiah daripada Peserta yang tidak layak.

6. Hadiah

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal menerima Hadiah mengikut Tarikh Tuntutan / Penyerahan Hadiah dalam apa jua keadaan. Penganjur berhak untuk memutuskan berkenaan Hadiah yang tidak ditebus.

6.2 Hadiah tidak boleh dipindahkan, ditukarkan atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk atau cara lain selain yang dinyatakan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Kemasukan berhubung dengan Hadiah adalah menjadi tanggungjawab Peserta.

- 6.4 Semua Hadiah perlu diambil mengikut terma dan syarat Penganjur, ejen, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.
- 6.5 Hadiah diberikan berdasarkan "sebagaimana ia". Hadiah itu akan digunakan/diambil sepenuhnya pada risiko Peserta dan Penganjur mengecualikan sebarang waranti dan liabiliti yang berkaitan dengan Hadiah sehingga setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.
- 6.6 Hadiah mesti dituntut secara sendiri kecuali Penganjur menetapkan mod tuntutan lain.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tanpa batasan, foto, lukisan, teks, dan apa-apa kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif "Bahan"), dan nama Peserta, dan/atau yang sama, untuk pengiklanan, publisiti dan promosi apa-apa barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk masa yang tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan semua perkara yang perlu untuk memberi kesan kepada perkara ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Harta Intelektual

Peserta bersetuju bahawa semua hak harta intelek dalam apa-apa kandungan dan/atau bahan-bahan yang dikemukakan, dibuat atau diwujudkan oleh Peserta berkaitan dengan Promosi dan apa-apa karya derivatif yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat terletak hak, ditugaskan dan dimiliki oleh Penganjur. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menggunakan dan mengubahsuai bahan atau kerja sedemikian dengan cara yang difikirkannya sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan semua hak yang terhadap bahan atau kerja tersebut.

9. Pampasan

Setiap Peserta bersetuju untuk menanggung rugi, melepaskan dan memelihara Penganjur, syarikat induk, anak syarikat atau syarikat berkaitan yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia"), pengarah, pegawai, pekerja, ejen, penaja dan/atau wakil terhadap mana-mana dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan ganti rugi (termasuk ganti rugi khas, tidak langsung dan berbangkit) yang timbul daripada atau berlaku akibat penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan Peserta kemasukan dan/atau kesamaan berkaitan dengan Promosi atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Batasan Liabiliti

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi adalah diatas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, pekerja, agen, penaja dan/atau wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap Peserta untuk kehilangan atau

kerusakan yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada ganti rugi tidak langsung atau berbangkit, atau kecederaan individu yang ditanggung atau dialami oleh Peserta berikutan penglibatan Peserta dalam Promosi, termasuk penebusan dan/atau penggunaan Hadiah yang dimenangi.

11. Umum

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak bertanggungjawab untuk melakukan apa-apa kewajipan berkenaan dengan Promosi dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian akibat keadaan di luar kawalan dan tidak akan bertanggungjawab untuk memberi ganti rugi kepada Peserta dalam apa jua cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Mana-mana nama, tanda dagangan atau logo yang digunakan dan atau diterbitkan semula dalam apa-apa bahan (termasuk bahan pemasaran dan promosi) berkaitan dengan Promosi ini, khususnya yang berkaitan dengan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi dan Penganjur adalah tidak mempunyai afiliasi, sokongan atau tajaan, dengan mana-mana pemilik, kecuali sekiranya dimaklumkan, dan pemilik-pemilik bukan sebahagian daripada kumpulan syarikat Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak menyerahkan mana-mana hak atau sub-kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Pihak Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan keseluruhan atau mana-mana bahagian haknya di bawah ini kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahihan, ketidaksahan atau kegagalan kuatkuasa apa-apa istilah di bawah ini tidak akan menjejaskan keseluruhan Terma dan Syarat Promosi.
- 11.5 Term dan Syarat untuk Promosi ini disediakan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah ditafsirkan, ditadbir dan diterjemahkan mengikut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai Promosi, anda telah bersetuju Nestlé Products Sdn. Bhd. dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”) dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberi sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami (“Pihak-pihak Ketiga Lantikan”) (secara kolektif “Penganjur” atau “Kami”) untuk memproses maklumat peribadi anda yang dikemukakan dalam borang penyertaan bagi tujuan Penebusan. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami

- dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
- 12.2 Penganjur juga boleh mengambil maklumat peribadi anda bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan Penebusan mengenai produk kami, perkhidmatan, apa-apa Penebusan, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda pada borang sekiranya anda bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi anda bagi tujuan ini.
 - 12.3 Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.
 - 12.4 Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada pemprosesan maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.
 - 12.5 Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.
 - 12.6 Pihak Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy.
 - 12.7 Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami. Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, Tingkat 22, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor. Atau borang web: <https://www.nestle.com.my/contactus>. Atau hubungi kami: 1-800-88-3433.
 - 12.8 Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam Penebusan, dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.
 - 12.9 Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa.